

Kerajaan MADANI fokus tatakelola, basmi rasuah

Subang: Aspek tatakelola dan pembasmian amalan rasuah akan menjadi keutamaan dalam pentadbiran Kerajaan MADANI pada tahun depan dalam usaha memulihkan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui ia tidak boleh dilakukan dalam tempoh singkat tetapi kerajaan komited untuk meneruskan agenda reformasi.

Beliau berkata, mungkin pendekatan itu tidak disenangi setengah pihak, namun beliau bertekad meneruskan agenda berkenaan dalam usaha memulihkan negara.

“Apa keutamaan 2025? Keutamaan saya sebut sebentar tadi ialah isu tatakelola kerana kita merosot sejak sekian lama, prestasi kerja dan rasuah di mana orang anggap perkara biasa.

“Ini bukan sahaja dalam kerajaan, tetapi juga rakyat, anggap isu rasuah sebagai kecil, (ada yang anggap) jadi menteri jadi kaya, apa salah kaya? (Jadi) saya tekankan tatakelola walaupun tidak disenangi setengah pihak.

“Saya kira ini mesti dibetulkan, tiada kira siapa kamu, menteri, ketua jabatan mesti cakap tidak boleh (rasuah). Tindakan

harus diambil,” katanya pada sidang media semalam.

Pada masa sama, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, semua pihak harus memahami pengasingan kuasa antara tiga cabang antara badan kehakiman, eksekutif dan perundangan di mana Perdana Menteri boleh tidak mencampuri sebarang keputusan mahkamah.

Malah beliau berkata, pihaknya tidak pernah mencampuri sebarang urusan kehakiman sejak dua tahun mentadbir kerajaan.

“Sebagai Perdana Menteri, saya mesti berhati-hati dengan apa

yang dipertanyakan. Biarkan mahkamah tentukan. Saya ada pandangan sendiri, tetapi tidak boleh campur tangan,” katanya yang merujuk beberapa keputusan mahkamah membabitkan individu tertentu.

Perdana Menteri berkata beliau juga menolak pendekatan ‘profil kaum’ dalam merangka dasar termasuk soal pembasmian kemiskinan kerana banyak bantuan termasuk pembiayaan disediakan pelbagai agensi di bawah kerajaan boleh dimanfaatkan oleh segenap peringkat dan kaum di negara ini.

Beliau mengingatkan orang

ramai supaya tidak termakan hasutan naratif kononnya Kerajaan MADANI pimpinannya tidak cakna bahkan menganaktirikan kaum tertentu.

“Apa yang penting bagi saya pertama adalah tangani kemiskinan tanpa bezakan kaum. Kedua, kita perlu lepaskan dari pemprofilan perkauman.

“Kepada kaum Melayu, India dan Cina, kalau tak sedar lagi, memang kita ada masalah kerana keseluruhan naratif pembangkang adalah orang Melayu sekarang terancam, India terancam, Sabah dan Sarawak terancam. Itu semua tak betul,” katanya.